

HARUN HAJI SALLEH (1935–), penulis. Dia lahir pada 15 April 1935 di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti, Negeri Sembilan. Dia kemudian berpindah ke Sabah dalam usia belasan tahun. Dalam penulisan, dia pernah menggunakan nama pena Terunalara.

Harun menerima pendidikan sekolah rendah dan menengah. Selepas tamat sekolah menengah dia mengikuti kursus pertanian di Maktab Pertanian Serdang yang kini dikenal sebagai Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Dia pernah bertugas di Jabatan Pertanian, di Jabatan Hutan Sabah dan Ketua Penterjemah/Penyelia Berita di Bilik Berita Radio Televisyen Malaysia (RTM) Kota Kinabalu.

Harun mula menulis cerpen, drama dan novel sejak tahun 1953. Cerpennya tersiar dalam akhbar *Utusan Malaysia*, *Sabah Times*, *Daily Express*, *Berita Minggu* dan majalah *Dakwah* dan *Wadah*. Dia pernah memenangi hadiah pertama Pertandingan Menulis Cerpen anjuran Jabatan Perdana Menteri dan hadiah penghargaan dalam Peraduan Mengarang Cerpen anjuran ESSO-GAPENA. Cerpennya juga termuat dalam antologi berjudul *Pulut Kuning Daging Rendang* (1988). Lebih kurang 30 buah skrip drama radionya pula tersiar menerusi RTM Kota Kinabalu, RTM Kuala Lumpur dan RTM Kuching.

Harun juga menghasilkan empat buah novel yang pernah memenangi sayembara menulis novel. Novel tersebut ialah *Hidayah* (1984), pemenang hadiah terbaik Peraduan Mengarang Novel Islam anjuran Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri; *Di Sebalik Sebuah Kubah* (1986), pemenang pertama dalam Peraduan Mengarang Sempena Abad ke-15 Hijrah anjuran Jabatan Ketua Menteri; *Daerah Asing* (1986), pemenang hadiah 'Bakat' Sayembara Novel Daruliman I anjuran Persatuan Penulis Terengganu (PELITA); tajaan kerajaan negeri Terengganu dan *Seorang Graduan* (1990), pemenang ketiga Peraduan



Harun Haji Salleh

Menulis Novel Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.

Harun telah dilantik sebagai Karyawan Tamu, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah pada 1 Januari 1995.